

>> Sukan terjun memerlukan **ketenangan** sebelum melakukan terjunan

HARIAN METRO

Terpegun anak di **puncak** dunia

■ Keluarga hanya menghubungi juara acara 10 meter platform individu melalui WhatsApp

Mohd Hafizee Mohd Arop
hafizee@hmetro.com.my

Ipoh

Tiada kata yang dapat diucapkan ibu kepada Cheong Jun Hoong melainkan perasaan gembira melihat kejayaan anaknya itu memenangi pingat emas dalam acara 10 meter platform individu pada Kejohanan Terjun Dunia di Budapest, Hungary, pagi semalam.

Jun Hoong, 27, berjaya memenangi emas bagi acara itu selepas mengumpul 397.5 mata menewaskan Si Yajie dari China dengan 396.0 mata dan juara dunia, Ren Qian

dengan 391.95 mata.

Ibunya, Leow Lai Kwan, 51, berkata, Jun Hoong berhak untuk menerima pingat itu selepas berpenat lelah menjalani latihan tanpa mengira masa sehinggalah tidak pulang ke rumahnya, di sini.

Menurutnya, dia melihat aksi terjunan anaknya di televisyen secara langsung

dan tergamam melihat terjunan sempurna sehingga dinobatkan sebagai pemenang pingat emas acara itu.

Katanya, anaknya itu sudah lama tidak pulang ke rumah mereka, di sini kerana menjalani latihan di ibu negara dan mereka lebih banyak berhubung menerusi telefon ser-

ta aplikasi WhatsApp.

“Usaha kerasnya dalam menjalani latihan tanpa putus asa membuahkan hasil dan saya sekeluarga sangat gembira dengan prestasi ditunjukkannya itu.

“Saya berharap seluruh rakyat Malaysia terus memberikan sokongan kepadanya untuk memperoleh lebih banyak kejayaan diperingkat dunia,” katanya ketika di-

temui, semalam.

Sementara itu, adiknya Cheong Jun Yeng, 24, mengakui sentiasa memberikan sokongan tanpa berbelah bagi kepada kakaknya itu dan akan menyambut kepulangan kakaknya di Kuala Lumpur, Isnin depan.

Ditanya sama ada mereka sekeluarga ada memberikan kata-kata perangsang sebelum Jun Hoong turun ke ge-

langgang, Jun Yeng berkata, prinsip keluarganya berbeza dengan orang lain iaitu mereka tidak akan bercakap dengannya sebelum acara bermula.

Katanya, prinsip keluarganya itu adalah kerana tidak mahu memberikan tekanan kepada Jun Hoong serta memberikannya masa untuk menenangkan diri kerana sukan terjun memerlukan ketenangan sebelum melakukan terjunan.

“

Usaha kerasnya dalam menjalani latihan tanpa putus asa membuahkan hasil dan saya sekeluarga sangat gembira dengan prestasi ditunjukkannya itu”

Leow Lai Kwan

LAI Kwan (kanan) bersama anak bongsunya, Jun Yeng melihat Jun Hoong menerima pingat emas melalui telefon bimbit.



JUN Hoong